

Revision 1

181st Annual General Conference

Saturday Morning Session, April 2, 2011

Hari Sabat dan Sakramen

Elder L. Tom Perry

Dari Kuorum Dua Belas Rasul

Saudara dan saudari di serata dunia, pagi ini kita telah datang untuk dengar suara seorang nabi. Saya bersaksi bahawa suara yang telah kita dengar tadi adalah suara nabi Tuhan yang hidup di dunia, Presiden Thomas S. Monson. Betapa diberkatinya kita oleh ajaran dan teladannya!

Sepanjang tahun ini kita berkesempatan mempelajari kata-kata nabi dalam Perjanjian Baru. Manakala Perjanjian Lama itu merupakan laporan berkenaan nabi dan bangsa, Perjanjian Baru pula berpusat pada hidup dan pengaruh Juruselamat dan Penebus kita Yesus Kristus, satu-satunya Orang yang datang mengalami kefanaan dengan kewarganegaraan keduaan bagi syurga dan bumi.

Dunia hari ini begitu penuh dengan ajaran manusia sehingga kita senang terlupa dan kehilangan iman pada laporan itu tentang hidup dan tempoh perkhidmatan Juruselamat—iaitu Perjanjian Baru. Buku yang kudus ini merupakan pusat dalam sejarah tulisan suci, seperti Tuhan sendiri merupakan pusat hidup kita. Kita patut berazam untuk mengkajinya dan menghargainya!

Terdapat kata-kata hikmah yang boleh dijumpai apabila mempelajari Perjanjian Baru. Saya sentiasa gemar membaca laporan Paulus waktu dia berjalan-jalan menubuhkan Gereja, khususnya ajarannya kepada Timotius. Dalam fasal keempat dalam surat Paulus kepada Timotius, kita membaca:

“Beritakanlah dan ajarkanlah semuanya itu... Jadilah teladan bagi orang-orang percaya, dalam perkataanmu, dalam tingkah lakumu, dalam kasihmu, dalam kesetiaanmu, dan dalam kesucianmu.”¹ Saya tak dapat fikirkan cara yang lebih baik kita boleh bermula atau terus menjadi teladan kepada orang yang percaya daripada kita menguduskan hari Sabat.

Sejak penciptaan dunia, satu hari telah ditetapkan daripada yang lain. “Lalu tuhan memberkati hari ketujuh itu dan menguduskannya.”² Tuhan pun beristirahat daripada kerjanya pada hari ini, dan dia menghendaki kita melakukan hal yang sama. Kepada anak-anak Israel, Dia menurunkan

perintah ini: “Ingatlah dan kuduslah hari Sabat: enam hari lamanya engkau akan bekerja dan melakukan segala pekerjaanmu, tetapi hari ketujuh adalah hari Sabat Tuhan Rajamu... itulah sebabnya Tuhan memberkati hari Sabat dan menguduskannya.”³

Cara kita menguduskan hari Sabat harus selalu merangkumi sembahyang. Selepas Adam dan Hawa menjadi fana, diperintahkan-Nya mereka supaya “memuja Tuhan Raja mereka dan hendaknya mengorbankan anak pertama ternak mereka sebagai persembahan bagi Tuhan... serupa dengan pengorbanan Putera Tunggal Bapa.⁴ Korban-korban haiwan itu mengingatkan keturunan Adam bahawa satu hari nanti Anak Domba Tuhan, Yesus Kristus, akan mengorbankan nyawa-Nya sendiri bagi kita.

Selama hidup-Nya, Juruselamat berfirman tentang pengorbanan itu.⁵ Malam penyaliban-Nya, firman-Nya itu disempurnakan. Selepas mengumpulkan murid-murid-Nya bersama dalam ruangan atas itu, jauh dari gangguan dunia, Dia memulakan tata-cara Sakramen, Jamuan Kudus Tuhan. “Dan semasa mereka makan, Yesus mengambil roti, mengucap berkat, memecah-mecahkannya lalu memberikannya kepada murid-murid-Nya dan berkata: ‘Ambillah, makanlah, inilah tubuh-Ku.’ Setelah itu Dia mengambil cawan, mengucap syukur lalu memberikannya kepada mereka dan berkata: ‘Minumlah, kamu semua, dari cawan ini. Sebab inilah darah-Ku, darah perjanjian, yang ditumpahkan bagi banyak orang untuk pengampunan dosa.’⁶

Sejak saat itu, Korban Tebusan Juruselamat menjadi korban yang teragung dan terakhir. Apabila dia datang ke benua Amerika selepas kebangkitan-Nya, dia menganugerahkan imamat-Nya ke atas murid-murid-Nya dan memulakan tata-cara sakramen dengan mengatakan “Dan kamu harus selalu taat untuk melaksanakan ini,... bahkan seperti Aku telah memecah-mecahkan roti dan memberkatinya dan memberikannya kepadamu... Dan hal itu akan menjadi satu bukti kepada Bapa, bahawa kamu selalu mengingat Aku. Dan jika kamu selalu mengingat Aku, maka Roh-Ku akan bersamamu.”⁷

Menakjubkan bagi kita bahawa cara menguduskan Hari Sabat dan Sakramen ini diamalkan dengan pelbagai rupa, walau pada masa gelap Kemurtadan yang Besar pun.

Apabila injil dipulihkan, tiga rasul, Petrus, Yakobus, dan Yohannes, yang menerima sakramen pertama kali daripada Juruselamat, muncul kepada Joseph Smith dan Oliver Cowder. Di bawah arahan mereka, kewenangan imamat yang perlu untuk mengacarakan sakramen bagi ahli-ahli gereja Yesus Kristus telah dipulihkan.⁸

Dianugerahkan Juruselamat kepada nabi dan rasul-Nya, dan kemudian daripada mereka kepada kita, kewenangan imamat itu masih ada lagi di bumi hari ini. Pemegang imamat yang muda di serata dunia melayakkan diri mereka supaya dapat menggunakan kuasa imamat itu dengan

mematuhi perintah dan menjalankan hidup menurut standar-standar injil secara bersungguh-sungguh. Apabila pemuda-pemuda ini menjaga kesucian rohani tangan mereka dan ketulenan hati mereka, mereka dapat menyediakan, memberkati, dan mengedarkan sakramen menurut cara Juruselamat—cara yang ditentukan oleh contoh-Nya dua ribu lebih tahun yang lepas.

Mengambil sakramen merupakan pusat sembahyang Hari Sabat. Dalam Ajaran dan Perjanjian, Tuhan memerintahkan kita semua: “Dan supaya kamu dapat menjaga dirimu tak dinodai oleh dunia, hendaknya kamu pergi ke rumah sembahyang dan mempersembahkan sakramen pada hari-Ku yang kudus. Kerana sesungguhnya inilah hari yang ditentukan bagimu untuk beristirahat dari pekerjaanmu, dan melakukan ibadatmu kepada Yang Mahatinggi... Dan pada hari ini kamu jangan melakukan pekerjaan yang lain.”⁹

Apabila kita memikir-mikirkan cara Hari Sabat dan Sakramen ini dalam hidup kita sendiri, ternyata ada tiga perkara yang diwajibkan Tuhan bagi kita. Pertama, untuk menjaga diri kita tidak dinodai oleh dunia. Kedua, untuk pergi ke rumah sembahyang dan mempersembahkan sakramen kita. Dan ketiga, untuk beristirahat dari kerja-kerja kita.

Betapa baiknya bahawa kita orang Kristian, menjalankan hidup sebagai murid Kristus yang sejati. Berkenaan kita, Dia berkata, “Mereka bukan dari dunia, sama seperti Aku bukan dari dunia.”¹⁰ Untuk menjaga diri kita supaya kita tidak dinodai oleh dunia, dia menghendaki kita mengelak daripada gangguan duniawi seperti urusan niaga dan pusat hiburan pada Hari Sabat.

Saya percaya bahawa dia juga inginkan kita berpakaian sesuai. Muda-mudi kita mungkin beranggapan bahawa pepatah bahasa Inggeris “Pakaian terbaik hari Sabat” sudah ditelan zaman. Bagaimanapun, kita tahu bahawa apabila cara berpakaian kita pada hari minggu turun kualitasnya kepada pakaian biasa kita, perangai dan tingkah laku kita akan turut merosot. Memang anak kita tidak perlu berpakaian demikian sampai matahari terbenam. Namun, dengan pakaian yang kita galakkan dan kegiatan yang kita rancangkan, kita menyediakan mereka untuk Sakramen dan untuk menikmati berkat-berkatnya sepanjang hari.

Apa maknanya kita mempersembahkan sakramen kepada Tuhan itu? Kita mengakui bahawa kita semua membuat salah. Setiap kita perlu mengakui dan menjauhkan dosa dan kesilapan kita terhadap Bapa di Syurga dan orang yang bertanggung kita. Hari Sabat ini memberikan kita peluang yang berharga untuk mempersembahkan hal-hal ini—sakramen kita—kepada Tuhan. Dia berfirman, “Ingatlah bahawa pada hari ini, hari Tuhan, kamu hendaknya mempersembahkan persembahanmu kepada Tuhan dan sakramenmu kepada Yang Mahatinggi, mengakui dosa-dosamu kepada saudara-saudaramu di hadapan Tuhan.”¹¹

Elder Melvin J. Ballard telah cadangkan, “Kita inginkan bahawa setiap Orang Suci akan datang ke meja sakramen kerana ia merupakan tempat kita memikirkan keadaan diri kita sendiri, tempat kita memeriksa diri kita sendiri, tempat kita dapat membetulkan jalan hidup kita, mendamaikan diri kita dengan ajaran Gereja dan berdamai dengan saudara-saudari kita.”¹²

Apabila kita mengambil Sakramen dengan layak, kita bersaksi bahawa kita sanggup mengambil nama Kristus ke atas diri kita dan mematuhi perintah-Nya dan selalu mengingati-Nya agar Roh-Nya boleh bersama kita. Menurut cara inilah perjanjian baptisan diperbaharui. Tuhan menjamin kepada rasul-Nya, “Sesering kamu melakukan hal ini kamu akan ingat saat ini, saya bersama kamu.”¹³

Kadang-kala kita menganggap bahawa beristirahat dari kerja-kerja kita ini cuma bermakna kita tidak pergi ke tempat kerja kita. Tetapi di dunia kita hari ini, kerja-kerja itu merangkumi kegiatan harian kita. Ini mungkin merangkumi urusan niaga yang kita lakukan dari rumah, pertandingan sukan, dan kegiatan lain yang mengalih perhatian kita dari sembahyang pada Hari Sabat dan dari kesempatan berkhidmat untuk orang lain.

“Jangan meremehkan hal yang suci,”¹⁴ Tuhan wahyukan kepada Orang Suci yang dahulu, seakan-akan dia mahu ingatkan kita akan apa yang dikatakan-Nya kepada murid-murid-Nya, “Hari Sabat diadakan untuk manusia dan bukan manusia untuk hari Sabat.”¹⁵

Saudara-saudari, pada zaman akhir ini si penjahat itu berjaya apabila kita lalai dalam pengabdian kita kepada Juruselamat, tidak mengendahkan ajaran-Nya dalam Perjanjian Baru atau dalam tulisan suci yang lain, dan berhenti mengikuti-Nya. Kaum ibubapa, inilah masa bagi mengajar anak-anak kita supaya menjadi contoh kepada orang yang percaya dengan menghadiri pertemuan Sakramen. Apabila pagi hari minggu datang, memastikan bahawa mereka telah berehat cukup, berpakaian baik, dan bersedia secara rohani untuk mengambil roti dan air Sakramen dan menerima kuasa Roh Kudus yang menerangi, meneguhkan iman, dan memuliakan. Semoga keluargamu diselubungi kasih kerana anda menghormati hari Sabat sepanjang hari dan mengalami berkat rohani sepanjang minggu. Mengajak anakmu, perempuan dan lelaki, supaya “Bangkit dan biarlah terangmu bersinar terus,” dengan menjaga kekudusan Hari Sabat, agar “agar cahaya [mereka] akan menjadi panji bagi bangsa-bangsa.”¹⁶

Walaupun bertahun-tahun lalu, dan saya masih mengenangkan Hari Sabat dari masa muda saya. Masih ingatlah saya hari itu apabila saya mengedarkan sakramen untuk pertama kalinya, dan masih ingatlah cawan-cawan kaca kecil yang saya edarkan kepada ahli-ahli bahagian kita. Beberapa tahun yang lalu, apabila sebuah bangunan Gereja di tempat kelahiran saya dibentuk semula, sebuah petak ditutupi. Apabila dibuka nanti, beberapa cawan kaca ini masih ada,

tersembunyi bertahun-tahun lamanya. Salah satu daripadanya diberikan kepada saya sebagai tanda ingatan.

Saya juga ingat gerobok hijau yang kami bawa bersama kami dalam tentera marin. Dalamnya terdapat sebuah piring kayu dan beberapa kotak cawan-cawan sakramen, supaya kami dapat diberkati oleh keamanan dan harapan Jamuan Kudus Tuhan walau berhadapan dengan tentangan dan keputusan perang pun.

Apabila saya mengenangkan cawan-cawan sakramen itu dari masa muda saya, yang satu dari tempat kelahiranku dan yang lain beribu-ribu batu jauhnya di lautan pasifik, saya diselubungi rasa syukur kerana Juruselamat Dunia sanggup meminum dari “cawan yang pahit”¹⁷ bagi saya. Dan kerana dia melakukannya, saya bersetuju dengan orang mazmur itu, “cawanku penuh melimpah”¹⁸ dengan berkat Korban Tebusan-Nya yang tak berkesudahan dan tak terbatas.

Hari ini, sebelum hari Sabat, waktu kita memulakan sidang yang agung ini, marilah kita ingat berkat dan kesempatan yang diberikan kepada apabila kita menghadiri pertemuan Sakramen setiap minggu dalam bahagian dan cabang kita. Marilah kita bersedia dan berkelakuan baik pada Hari Sabat dengan cara yang akan mendatangkan berkat ke atas diri kita dan keluarga kita. Saya memberi kesaksian istimewa saya bahawa kebahagiaan yang terbesar yang kita terima dalam hidup ini adalah dalam mengikuti Juruselamat. Semoga kita mematuhi perintah-Nya dengan menjaga kekudusan hari-Nya, inilah doa saya, dalam nama Yesus Kristus, amin.

Catatan

1. 1 Timotius 4:11–12
2. Kejadian 2:3
3. Keluaran 20:8–11
4. Musa 4:5, 7
5. Contohnya Markus 10:32–34, Yohannes 2:29, 10:17, 12:32
6. Matius 26:26–28
7. 3 Nefi 18:6–7
8. Lihat A&P 27:12–13
9. A&P 59:9–10, 13
10. Yohannes 17:16
11. A&P 59:12
12. Bryant S. Hinckley, *Sermons and Missionary Services of Melvin Joseph Ballard* [Salt Lake City: Deseret Book Co., 1949], p. 150
13. Markus 14:21 JST
14. A&P 6:12

15. Markus 2:27

16. A&P 115:5

17. 3 Nefi 11:11

18. Mazmur 23:5